

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN NO. 352**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perbezaan sistem PNGK antara STPM, Matrikulasi, Program Asasi dan lain-lain. Mengapa begitu banyak program pra-universiti di Malaysia, apakah rasionalnya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) adalah berdasarkan purata nilai gred mata pelajaran (NGMP) bagi empat mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am (tertakluk kepada kaedah yang diguna pakai oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi). Dalam peperiksaan STPM, penentuan gred mata pelajaran adalah berdasarkan jumlah markah terbaik bagi kertas Semester 1 atau Ulangan 1, kertas Semester 2 atau Ulangan 2, kertas Semester 3, dan kerja kursus bagi mata pelajaran berkenaan. Gred kertas dan gred mata pelajaran ditunjukkan dengan gred A hingga F, dengan gred A sebagai gred yang tertinggi manakala gred F sebagai gred gagal. Setiap gred mata pelajaran akan diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP).

## NO. SOALAN: 352

Bagi Program Matrikulasi KPM, pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kaedah seperti berikut:

- a) Penilaian Berterusan (PB)
- b) Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM)

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar. Pada akhir setiap semester, PNGS dan PNGK pelajar dikira berasaskan gred yang diperoleh dan unit kredit yang diperuntukkan bagi empat kursus pengkhususan yang diambil. Gred yang diperoleh diberikan mata nilai dari yang paling tinggi iaitu bagi gred A hingga paling rendah iaitu gred F. Gred C merupakan gred lulus minimum manakala gred C – sehingga F adalah gagal.

Untuk makluman, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pengajian Tinggi tidak menyelaraskan mana-mana sistem penilaian yang ditetapkan oleh institusi lain seperti STPM, Matrikulasi dan program Asasi. Penilaian dan penetapan tersebut ditentukan berdasarkan bidang kuasa seperti berikut, bagi STPM ditentukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Matrikulasi di bawah Bahagian Matrikulasi KPM (BMKPM) dan Program Asasi di bawah universiti awam masing-masing. STPM, Matrikulasi dan Asasi merupakan program pra universiti di Malaysia untuk membolehkan para pelajar atau calon lepasan SPM mendapat kepelbagaian akses pendidikan mengikut kelayakan dan minat masing-masing.

RT45/352

**NO. SOALAN: 352**